



Kitaran Kadar Opr Berubah Ikut Situasi Ekonomi Semasa, Ditentukan Oleh Bnm – Penganalisis

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Kitaran Kadar Dasar Semalaman (OPR) berubah mengikut keadaan ekonomi semasa dan ia akan diputuskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), kata seorang penganalisis ekonomi.

Ketua Ekonomi dan Kewangan Sosial Bank Muamalat Malaysia Bhd Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata Malaysia pernah mencatatkan OPR terendah dalam sejarah iaitu pada 1.75 peratus pada 7 Julai 2020, ketika negara dan seluruh dunia berdepan dengan krisis kesihatan global pandemik COVID-19.

“Keputusan OPR ini akan ditentukan oleh mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) BNM yang dijalankan enam kali setahun dan ia ditentukan berdasarkan keadaan ekonomi semasa. Dua mesyuarat sudahpun berakhir dan berbaki empat lagi mesyuarat tahun ini.

“Sekiranya berlaku lagi kepayahan ekonomi ataupun kemelesetan ekonomi global, saya tidak terkejut OPR akan diturunkan,” katanya kepada Bernama.

UNJURAN OPR

Mengenai ramalannya tentang OPR yang disiarkan media baru-baru ini, Mohd Afzanizam menjelaskan unjuran itu dibuat hanya berdasarkan kepada parameter ekonomi semasa.

“Saya meramalkan pada Julai ataupun separuh tahun ini (kadar) meningkat sebanyak 25 mata asas kerana saya melihat momentum pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan, terutamanya penggunaan.

“Tahun lepas, transaksi hartanah kita mencecah RM179 billion bersamaan peningkatan sebanyak 23.6 peratus. Jumlah keseluruhan industri (TIV) automotif juga memberangsangkan.

“Jadi, bila saya lihat pada kedudukan ekonomi domestik dan penggunaan, kadar 2.75 peratus ketika ini macam tidak sesuai dan rendah dan bila ramai buat pembiayaan atau pinjaman maka akan wujud pula masalah lain nanti iaitu peningkatan kadar hutang isi rumah,” katanya.

Bagaimanapun, beliau tidak menolak kemungkinan OPR akan dikekalkan pada 2.75 peratus kerana ia bergantung kepada keadaan ekonomi semasa.

Menurut BNM, OPR naik sebanyak empat kali pada 2022 dan kali terakhir ia dinaikkan ialah pada 3 Nov 2022 iaitu sebanyak 25 mata asas berikutan ketidaktentuan ekonomi global.

RUANG DASAR MONETARI

Mohd Afzanizam berkata, mempunyai ruang dasar monetari yang luas juga penting bagi memberi fleksibiliti kepada BNM untuk menguruskan ekonomi negara.

“Contohnya, kalau OPR dikekalkan pada 2.75 peratus, dengan andaian lantai 1.75 peratus, sekiranya berlaku kemelesetan di Amerika Syarikat (AS), Eropah, semestinya kita risau dan akan buat potongan OPR.

“Ruang dasar monetari antara lantai 1.75 peratus dan 2.75 peratus itu okey kalau tidak mahu naikkan OPR, cuma lebih baik kalau buffer (penampungan) besar,” katanya yang berpendapat kadar 2.75 peratus itu rendah kerana purata paras normal OPR adalah pada sekitar 3.00 ke 3.25 peratus.

Menurutnya, sekiranya ruang dasar monetari besar jumlah kecairan tunai akan menjadi lebih banyak yang mana ia penting bagi menentukan berapa lama tempoh ekonomi sesebuah negara boleh bertahan sekiranya tidak menaikkan kadar OPR.

“Semakin lebar ruang dasar monetari semakin bagus, kerana ia merupakan satu kemudahan untuk menyokong ekonomi dalam jangka masa panjang,” katanya.

Beliau berkata, buat masa ini, kenaikan OPR tahun lalu mula menampakkan hasil apabila kadar inflasi negara menunjukkan aliran penurunan.

Menurut **Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)**, inflasi Malaysia pada Januari 2023 mencatatkan kenaikan lebih perlahan sebanyak 3.7 peratus berbanding 3.8 peratus pada Disember 2022 dan angka itu kekal pada Februari 2023.

LITERASI KEWANGAN

Sementara itu, Mohd Afzanizam berkata pemahaman tentang OPR boleh ditingkatkan dengan literasi kewangan yang tinggi ketika individu membuat pilihan pembiayaan atau pinjaman sama ada memilih kadar berubah atau kadar tetap.

Menurutnya, literasi kewangan merupakan kemahiran yang boleh melengkapkan pengetahuan dan keyakinan seseorang individu membuat keputusan kewangan yang bijak pada setiap peringkat kehidupan.

“Kitaran OPR tu berubah-ubah mengikut situasi ekonomi semasa, jika berlaku lagi kepayahan ekonomi global, kemungkinan OPR akan turun lagi.

“Jadi kalau itulah keadaannya, bagi mereka yang membuat (pinjaman) kadar tetap mereka akan bayar kadar sama dalam tempoh yang ditetapkan tetapi bagi mereka yang ambil kadar berubah mereka boleh bayar jumlah yang sedikit,” katanya.

-- BERNAMA

<https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2179011>